

## BAB 7

### KESIMPULAN

Kajian ini adalah tertumpu kepada beberapa isu masalah sosial dan gaya hidup masyarakat di Amerika Syarikat. Isu yang dikaji termasuklah isu berkaitan perkauman, keganasan, dan alam sekitar. Penyelidikan dibuat ke atas data sekunder dari *General Sosial Survey* yang dikumpulkan oleh Kumpulan Operasi Penyelidikan dari *National Opinion Research Center* (NORC) di University of Chicago bagi tahun 1994. Oleh kerana kebanyakan pembolehubah berbentuk kualitatif, maka sebahagian daripada analisis adalah berbentuk huraihan dan diskriptif. Kaedah statistik seperti ujian "t" dan Chi-square juga digunakan untuk tujuan analisis. Beberapa pembolehubah telah dikodkan semula untuk tujuan analisis selanjutnya.

Bab ini terdiri daripada tiga bahagian. Bahagian pertama membincangkan tentang kesimpulan dan hasil kajian. Bahagian kedua membincangkan masalah dan sekatan kajian yang dihadapi. Bahagian terakhir pula membincangkan cadangan untuk penyelidikan akan datang.

#### 7.1 Ringkasan Hasil Kajian

Amerika Syarikat merupakan sebuah negara yang maju turut mengalami masalah sosial seperti negara membangun dan negara maju lain. Dalam kajian ke atas latar belakang sampel, didapati kaum wanita dan kaum kulit putih merupakan majoriti dalam sampel dan kebanyakan daripada responden didapati telah berkahwin seperti yang dijelaskan dalam Bab 5.

Pendidikan merupakan satu institusi yang penting bagi masyarakat di Amerika Syarikat. Ia telah dianggap sebagai kunci kejayaan seseorang itu dalam sosial dan ekonomi. Dari segi pencapaian pendidikan, didapati kebanyakan responden dalam kajian mempunyai pendidikan sehingga 12 tahun dan taraf pendidikan kaum kulit hitam didapati lebih rendah berbanding kaum kulit putih. Oleh itu, peratus berkelayakan tinggi bagi kaum kulit hitam juga lebih rendah. Walau bagaimanpun, min tahun pendidikan bagi golongan kaum kulit hitam didapati telah meningkat dari setahun ke setahun. Ini bermakna peluang pendidikan mereka (kaum kulit hitam) bertambah baik, dengan itu, jurang pendidikan antara kaum juga berkurangan.

Terdapat peratus pengangguran yang lebih tinggi di kalangan kaum kulit hitam berbanding kaum kulit putih. Mereka (kaum kulit hitam) didapati kurang berpeluang untuk menjawat jawatan tinggi berbanding kaum kulit putih. Keadaan ini berkaitan rapat dengan latar belakang tahap pendidikan mereka. Peratus responden kaum kulit hitam dalam tingkat pendapatan tinggi didapati jauh lebih rendah berbanding kaum kulit putih walaupun dalam setiap kategori perkerjaan yang sama. Keadaan ini mencerminkan kewujudan diskriminasi atau ketidakadilan dalam masyarakat ini. Keadaan yang sama juga dirasai oleh golongan wanita dan perbezaan pendapatan yang ketara di kalangan mereka ini telah dibuktikan oleh ujian Chi-square yang dijalankan. Penglibatan kaum wanita di jawatan lebih tinggi masih rendah, secara tidak langsungnya menjelaskan peluang bagi mereka untuk memperolehi pendapatan lebih lumayan.

Ditinjau dari segi gaya hidup masyarakat, didapati lebih ramai kaum wanita dalam menghabiskan masa menonton TV berbanding kaum lelaki. Begitu juga bagi responden yang lebih muda atau yang lebih tua didapati banyak menghabiskan masa menonton TV kerana mempunyai banyak masa lapang.

Statistic menunjukkan golongan yang berpendapatan tinggi dan berpendidikan tinggi didapati tidak mumpunyai banyak masa lapang untuk menonton TV.

Kaum kulit hitam juga didapati lebih ramai menghabiskan masa yang panjang berbanding kaum kulit putih untuk menonton TV. Hasil ujian Chi-square didapati kelima-lima faktor yang dikaji (pendidikan, umur, pendapatan, kumpulan etnik dan jantina) adalah signifikan berhubung perkara ini pada aras keertian 0.5%. Begitu juga keadaan yang sama didapati dalam analisis varians (ANOVA) di mana semua faktor adalah signifikan bagi kesan utama kecuali faktor jantina. Walau bagaimanapun, faktor-faktor ini didapati hanya dapat menerangkan 13% daripada variasi masa menonton TV.

Dalam kajian hubungan homoseksual, didapati faktor pendidikan, umur dan jawatan mempunyai hubungan yang signifikan dengan hubungan homoseksual pada aras keertian 0.1% dalam ujian Chi-square. Manakala faktor kumpulan etnik dan jantina tidak mempunyai kesan yang signifikan pada aras keertian 5%. Dalam kajian ke atas persepsi terhadap hubungan seks bebas pula, didapati faktor umur, tempat tinggal, tahap pendidikan dan jantina mempunyai kesan yang signifikan dalam menyokong hubungan seks bebas. Pandangan terhadap seks, nyata menunjukkan golongan yang lebih muda atau lebih berpendidikan tinggi didapati lebih berfikiran terbuka terhadap hubungan seks (bebas atau homoseksual).

Dalam kajian ke atas perasaan responden secara umum. Didapati perasaan terhadap perkahwinan seseorang banyak mempengaruhi perasaan kegembiraan seseorang itu secara umum (khususnya bagi golongan yang berkahwin). Kajian menunjukkan secara umumnya, kaum kulit putih adalah lebih gembira berbanding kaum yang lain tetapi faktor jantina bukan merupakan faktor yang mempengaruhi pembelahan kegembiraan secara umum.

Dasar pengasingan atau pemisahan tempat tinggal antara kaum telah lama wujud di negara ini. Majoriti kaum kulit putih didapati tinggal di desa, manakala kebanyakan kaum kulit hitam pula didapati tinggal di bandar. Corak yang sama juga dilihat dalam kajian ini (Bab 6).

Sifat toleransi kaum dapat dilihat dari segi penempatan mereka, jiran mereka dan keselesaan mereka untuk bersosial dan berinteraksi antara satu dengan lain. Hasil kajian mendapati kaum kulit hitam lebih bersedia untuk berinteraksi dan bersosial lebih rapat berbanding kaum kulit putih.

Kajian ke atas sifat perkauman di kalangan kaum kulit putih dengan meneliti faktor jantina, tahun pendidikan dan umur didapati kesemuanya tidak menunjukkan kesan yang signifikan dalam ujian Chi-square. Ini menunjukan faktor ini tidak penting dalam menerangkan variasi sifat perkauman dalam kajian ini.

Namun begitu, didapati terdapat percangganan penuapat antara dua kaum ( kaum kulit putih dan kaum kulit hitam) dalam pandangan berhubung sekolah bercampuran kaum, peluang masuk kolej dan kemungkinan disingkirkan dari kolej.

Persetujuan permit senjatan api di Amerika Syarikat didapati secara keseluruhannya telah mengalami peningkatan dalam peratus, namun dijangka akan berkurangan pada tahun akan datang. Kaum lelaki didapati lebih ramai memiliki senjata api berbanding kaum wanita. Begitu juga, kaum kulit putih didapati melebihi kaum kulit hitam dalam pemilikan senjata api. Daripada perbandingan antara tempat tinggal, didapati penduduk kampung jauh lebih ramai memiliki senjata api berbanding penduduk di bandar.

Kebanyakan mereka yang memiliki senjata api menyatakan bahawa mereka sama ada pernah dianiaya, dikasari atau berhadapan dengan keadaan

keganasan. Maka dengan adanya senjata api, secara psikologinya mereka mungkin merasakan lebih selamat. Keadaan yang menarik didapati di mana peratus yang tinggi di kalangan responden yang memiliki senjata didapati juga mempunyai peratus yang tinggi dalam kategori tidak takut berjalan di kawasan perumahan mereka pada waktu malam.

Dalam kajian ke atas pengalaman melibatkan situasi keganasan, didapati faktor umur dan kumpulan etnik mempunyai kesan yang signifikan berkaitan dengan pengalaman melibatkan keganasan. Namun, faktor jantina tidak menunjukkan kesan yang signifikan. Bagi kajian ke atas mangsa keganasan pula, didapati lebih kurang 10% daripada responden pernah menjadi mangsa keganasan sewaktu kanak-kanak ataupun dewasa sepanjang hidup mereka.

Dalam kajian ke atas responden yang berpotensi mirip ke arah melakukan keganasan didapati ia menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan bagi faktor jantina, kumpulan etnik, pendapatan dan umur responden.

Hasil daripada analisis regresi menunjukkan faktor-faktor ini (jantina, kumpulan etnik, pendapatan dan umur) hanya dapat menerangkan 4.2% daripada variasi dalam potensi mirip ke arah sifat keganasan.

Dari perbandingan kesedaran terhadap isu alam sekitar didapati majoriti daripada responden tidak peka atau tidak prihatin terhadap alam sekitar. Kelima-lima faktor yang dikaji (faktor jantina, kumpulan etnik, tahun pendidikan dan umur) didapati tidak mempunyai kesan yang signifikan dalam ujian Chi-square menandakan bahawa faktor-faktor ini bukan merupakan faktor yang penting dalam menerangkan variasi dalam keprihatinan terhadap alam sekitar. Tambahan lagi, persoalan-persoalan yang dikaji mungkin tidak mencukupi untuk mengkaji keprihatinan masyarakat terhadap isu alam sekitar.

## **7.2 Masalah Dan Sekatan Dalam Kajian.**

Terdapat beberapa had dan sekatan dalam menjalankan kajian ini. Pertama, Disebabkan data yang digunakan adalah data sekunder, maka timbul persoalan tentang reka bentuk persampelan, kaedah persampelan dan cara pengumpulan dan pengodkan data.

Kedua, kesilapan mudah berlaku akibat salah tafsir maksud soalan-soalan dalam soal selidik. Ini adalah kerana penyelidik pertama (data utama) yang menghasilkan data utama lebih mengetahui akan maksud segala takrif yang digunakan dalam borang soal selidik. Tambahan lagi, soal selidik ini direka khasnya untuk penyelidikan di Amerika Syarikat, ketidaksamaan budaya, ekonomi dan sosial dengan negara Malaysia telah menyebabkan kesukaran lagi bagi menterjemahkan dengan tepat.

Ketiga, Kebanyakan daripada jawapan dalam soal selidik yang digunakan merupakan sukatan nominal (kategori) dan sukatan ordinal. Kedua-dua sukanan ini tidak dapat digunakan sebagai pembolehubah bersandar, ini telah menyekatkan penggunaan teknik statistik seperti kaedah MCA, ANOVA dan Regresi. Disamping itu, sesetengah ujian statistik seperti ujian “t” dan ujian korelasi tidak dapat dilakukan ke atasnya dengan berkesan.

Keempat, oleh kerana tinjaun adalah dalam bentuk soalan pendapat, jadi jawapan adalah subjektif mengikut apa yang dirasakan oleh responden.

## **7.3 Cadangan Untuk Penyelidikan Masa Depan**

Di sebalik sekatan dan masalah semasa menjalankan kajian ini, hasil kajian ini telah dapat mengenalpasti beberapa maklumat berguna untuk kajian akan datang. Terdapat 5 isu dan perkara yang boleh diselidikan dengan lebih mendalam untuk kajian selanjutnya.

Pertama, dalam kajian ke atas latar belakang responden, penyelidik boleh menyentuh secara mendalam tentang aspek pendapatan, kajian ke atas faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi tingkat pendapatan seseorang individu. Pembentukan model regresi boleh dilakukan supaya tingkat pendapatan dapat diramalkan.

Kedua, Bagi kajian ke atas sifat perkauman pula, penyelidikan masa depan boleh dilakukan dengan mengkaji sifat ini dengan berdasarkan semua kaum (kaum kulit putih, kaum kulit hitam dan kaum lain-lain).

Ketiga, penyelidikan masa depan boleh mengkaji isu keganasan dari segi penggunaan sejata api seperti kekerapan penggunaan, bilangan tembakan yang pernah dilepaskan, sebab penggunaan, bila penggunaan dan mangsa tembakan.

Keempat, dari segi hubungan seks bebas pula, penyelidikan masa depan boleh dilakukan dengan kajian tentang kesedaran responden terhadap penyakit AIDS. Kajian boleh terdiri daripada bilangan pasangan seks, kekerapan responden melakukan seks, penggunaan kondom dan kekerapan mengunjungi pusat perlacuran.